

MENGGILAP AKAL DAN SAHSIAH REMAJA

Oleh Aminudin Mansor

AKAL merupakan anugerah Allah yang paling berharga. Manakala sahsiah atau keperbadan dapat dibentuk melalui pendidikan oleh ibu bapa di rumah dan diperteguhkan oleh guru di sekolah. Watak dan perwatakan yang baik juga dapat dibentuk melalui pendidikan yang berkesan dan berterusan. Melalui pendidikan, akal dapat digilap ke arah kecemerlangan dan kejayaan dalam kehidupan. Akal atau minda yang beriman dan bertakwa dapat dibentuk dan dididik melalui pendidikan di rumah oleh ibu bapa. Hal ini disebabkan agama itu diibaratkan sebagai akal, dan tidak ada agama bagi sesiapa yang tidak berakal.

Akal yang sihat mampu dimiliki oleh setiap orang, terutamanya remaja, yang tidak mempunyai masalah seperti terabit dengan penyalahgunaan dadah, berkelakuan ganas, atau ketagihan minuman keras. Dalam hal ini, akal itu dibaratkan umpama payung, dan payung itu tidak berguna kalau tidak terbuka. Kesediaan dan kegiatan akal

dikatakan mempunyai kaitan dengan tugas otak dan sistem saraf. Oleh sebab itu, pertumbuhan neurologi dan mental amatlah berkait rapat antara satu sama yang lain. Pertumbuhan akal dan perkembangan kebolehan mental merupakan faktor utama dalam pembentukan sahsiah remaja yang perlu dipertimbangkan oleh para pendidik ketika mereka merancang pengisian pendidikan yang akan dilaksanakan.

Potensi akal sangat jelas dan berkuasa dalam sesi pembelajaran dalam kelas. Apabila akal remaja tidak sempurna dan tidak sihat, maka hal ini memberikan kesan negatif dan menjejaskan potensi diri untuk mencapai kecemerlangan, terutamanya dalam peperiksaan penting di sekolah. Akal yang matang amat penting dalam proses pembelajaran. Selagi tidak wujudnya kematangan akal, selagi itulah kesan pembelajaran sukar untuk mencapai matlamat yang optimum dan berkesan.

Dalam memperkatakan pembentukan akal dan sahsiah, ibu bapa





dan guru perlu memainkan peranan dalam mendidik anak-anak, terutamanya dalam kalangan remaja. Penggilapan akal mestilah melalui perkara yang logik yang boleh diterima oleh remaja. Sebagai contohnya, ibu bapa haruslah menggunakan cara yang lembut untuk membentuk sahsiah anak-anak, dan bukannya dengan cara yang memaksa. Manakala sebagai anak dan remaja, perlu memahami pendidikan yang berterusan oleh ibu bapa dan guru akan membentuk akal budi yang beriman, bertakwa dan cemerlang.

Hal ini bersesuaian dengan pandangan M. Luther King yang mengatakan bahawa apa-apa yang bertentangan dengan akal, tentu bertentangan pula dengan Tuhan. Oleh sebab itu, pendidikan akal mestilah dilakukan bermula sejak kecil sehingga menjadi seseorang yang berjaya. Kepentingan mendidik akal yang sihat dan kritikal juga bersesuaian dengan pandangan khalifah Islam, Ali bin Abu Thalib. Pandangan tersebut mengatakan bahawa apabila akal tidak sempurna, maka berkurangnya bicara. Hal ini juga




mempunyai kaitan dengan pemikiran dan juga komunikasi yang melibatkan akal seseorang.


Pendidikan menggilap akal bertujuan untuk membentuk pemikiran tinggi dalam kalangan remaja. Dalam hal ini, pembentukan ini mestilah

melalui bimbingan dan pendidikan yang berterusan oleh para guru dan ibu bapa. Penggunaan akal melalui pemikiran yang sihat dapat memacu kecemerlangan dalam akademik dan kehidupan seharian remaja. Pengamalan pemakanan makanan seimbang mengikut piramid makanan dapat tubuh badan yang sihat.

Dalam hal ini, badan yang sihat mampu menyumbang kepada kekuatan akal dan pemikiran. Bagi membentuk tubuh badan yang sihat, elakkan daripada aktiviti yang boleh menjejaskan kesihatan diri dan akal, seperti merokok, melepak dan sebagainya. Aktiviti fizikal mengekalkan kecergasan dapat membentuk akal yang cemerlang dan positif. Hal ini secara tidak langsung menjadikan remaja berupaya menguasai ilmu pengetahuan, kemahiran berfikir aras tinggi, kemahiran memimpin, kemahiran menguasai pelbagai bahasa, membentuk etika dan kerohanian yang baik serta membentuk identiti nasional, sejajar dengan falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Kajian oleh ahli psikologi pendidikan mendapati bahawa kesediaan untuk belajar dalam kalangan pelajar di Malaysia banyak bergantung kepada akal yang aktif dan sihat. Melalui pembelajaran, akan membentuk perubahan tingkah laku yang progresif yang melibatkan pembentukan idea-idea baharu dan berkelakuan sopan





dan tertib. Konsep kesediaan untuk belajar banyak bergantung kepada kematangan penggunaan akal dalam kalangan remaja. Hal ini melibatkan kesediaan kognitif iaitu kebolehan sedia ada yang dimiliki oleh remaja itu sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana penerimaan maklumat dalam sesi pembelajaran berkait rapat dengan tahap kesediaan akal selaras dengan usaha dan latihan yang dilakukan.

Dalam isu pembentukan sahsiah remaja, hal ini banyak bergantung kepada pendidikan awal oleh ibu bapa di rumah. Lantaran itu, ibu bapa yang berilmu dan berpengalaman haruslah mendidik anak-anak dengan sahsiah yang terpuji dengan memberikan teladan yang baik kepada mereka. Seterusnya melalui ilmu, akan melengkapkan proses pembinaan peribadi insan. Prinsip dan falsafah hidup remaja dapat dibentuk melalui teladan yang ditunjukkan oleh masyarakat. Remaja akan melihat masyarakat sebagai suri teladan untuk mempraktikkan nilai murni dalam kehidupan seharian. Nilai murni seperti hormat menghormati,

bertanggungjawab, menepati masa dan berdisiplin penting untuk kejayaan akademik yang dibentuk melalui sahsiah yang baik.

Pada masa kini, pengaruh rakan sebaya juga penting dalam dalam membentuk sahsiah remaja. Oleh hal yang demikian, remaja mestilah bijak memilih kawan. Pilihlah individu yang mempunyai peribadi yang baik, berilmu, beriman dan tidak terbabat dengan gejala sosial untuk dijadikan sebagai teman rapat yang boleh menjamin masa hadapan. Selain itu, masyarakat juga perlu bekerjasama dalam membentuk akal dan sahsiah remaja yang baik. Teguran dan nasihat yang berikhtim akan mudah diterima oleh remaja bagi membentuk keperibadian yang baik kepada mereka. Menurut pandangan tokoh Barat, Gustav Le Bon, beliau mengatakan bahawa manusia tidak dipimpin oleh akalnyia melainkan oleh perwatakan dan peribadinya.

Keperibadian yang baik perlu dibina melalui pendidikan yang seimbang di rumah dan di sekolah. Peranan ibu bapa dan guru serta remaja itu sendiri mampu



membentuk dan membangunkan sahsiah yang unggul. Sebagai murid dan remaja, terimalah segala nasihat, bimbingan, dan tunjuk ajar daripada mereka yang berilmu dan berpengalaman dengan hati yang terbuka. Sesungguhnya segala nasihat itu demi membentuk diri remaja ke arah yang lebih baik.


Pembentukan sahsiah juga berkait rapat dengan kematangan sosial iaitu melalui pertumbuhan dan perkembangan aspek fizikal, mental dan emosi yang seimbang. Semua aspek ini menjadi asas kepada pembentukan sikap dan tingkah laku seseorang terhadap orang lain. Ibu bapa, guru dan masyarakat merupakan pembentuk sahsiah yang terbaik bagi remaja.

Para guru haruslah mendidik dan berusaha untuk membiasakan pelajar dengan aura positif. Bimbinglah pelajar yang bermasalah dengan bersungguh-sungguh kerana golongan ini memerlukan perhatian yang lebih berbanding pelajar lain. Pastinya segala pengorbanan guru ini terubat setelah melihat anak bangsa berjaya

dalam hidup mereka. Para guru boleh menggunakan teknik yang menarik melalui situasi belajar yang ceria, sekaligus memberikan impak positif kepada perkembangan pengetahuan dan sahsiah yang baik.

Pembentukan keperibadian seseorang itu juga terbentuk melalui beberapa ciri, antaranya termasuklah tempat tinggal, pengaruh kawan, budaya dan persekitaran serta alam sekitar. Hal ini bertepatan dengan pandangan Goethe yang mengatakan bahawa tingkah laku atau sahsiah seseorang adalah cerminan yang

memperlihatkan watak yang bersangkutan dengan diri seseorang.

Sebagai kesimpulannya, keperibadian remaja merupakan cerminan negara pada masa akan datang. Remaja perlulah berusaha untuk membangunkan diri sendiri untuk membentuk pemikiran dan keperibadian yang unggul. Sesungguhnya melalui pemikiran dan keperibadian yang baik akan menentukan masa hadapan remaja yang gemilang. Pengaruh ibu bapa, kawan-kawan dan guru menentukan sama ada remaja itu berjaya, ataupun sebaliknya. 

Pembentukan sahsiah juga berkait rapat dengan kematangan sosial iaitu melalui pertumbuhan dan perkembangan aspek fizikal, mental dan emosi yang seimbang.

